

| | | | |
|-------------|--------------------------------------|--------------|-----------------------|
| Headline | Penggunaan istilah yang tepat | Language | MALAY |
| Date | 27. May 2009 | Page No | 19 |
| Media Title | Kosmo | Article Size | 1018 cm2 |
| Section | Kosmo 2 | Frequency | Daily |
| Circulation | 108796 | Color | One Spot Color |
| Readership | 406000 | AdValue | |



Penggunaan istilah yang tepat

MAJLIS AIDS Malaysia (MAC) turut menarik perhatian mengenai penggunaan istilah yang sering digunakan untuk merujuk kepada HIV/AIDS yang pada pendapatnya tidak tepat, tidak sensitif dan perlu dielakkan.

Misalnya, perkataan pembawa AIDS, seolah-olah mereka yang membawa penyakit itu. Mangsa AIDS sepatutnya digantikan dengan perkataan seperti mereka yang HIV positif, orang yang dijangkiti AIDS atau mereka yang hidup dengan HIV/AIDS.

Virus AIDS juga tidak ada. Virus penyebab AIDS dipanggil HIV (*Human Immunodeficiency Virus*). Begitu juga istilah golongan berisiko tinggi patut digantikan dengan kelakuan berisiko tinggi (seks tidak selamat dan berkongsi jarum suntikan).

MAC memilih istilah mereka yang hidup dengan HIV/AIDS atau orang yang positif HIV bagi menggantikan istilah Pesakit AIDS.

MAC juga menjelaskan bahawa istilah betul bagi Ujian AIDS adalah Ujian Antibodi HIV. Ini kerana ia tidak menguji kehadiran AIDS atau virus HIV, tetapi mengesan kehadiran antibodi dalam badan yang terhasil untuk melawan virus tersebut.

Mengenai penglibatan golongan selebriti dalam Program Selebriti Sokongan Reben Merah 2009/2010, ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan AIDS Malaysia (MAF), Datuk Maznah Abdul Jalil berkata, beliau yakin dengan bakat, populariti dan keprihatinan ikhlas selebriti yang terlibat dalam kempen ini terhadap HIV/AIDS.

Menurutnya, mereka dijangka dapat membantu MAC/MAF untuk menyampaikan mesej bermakna dan memberi kesan kepada rakyat Malaysia dari semua lapisan masyarakat.

"Mereka ini popular dan ramai peminat," kata pula Ahli Eksekutif Jawatankuasa MAC, Dr. Soraya Azmi.



MANGSA AIDS sepatutnya digantikan dengan perkataan seperti mereka yang HIV positif.
- Gambar hiasan

Tambahnya: "Orang seperti kami di MAC, doktor dan pegawai Kementerian Kesihatan apabila bercakap banyak, audiens akan jemu, sebaliknya mereka mungkin lebih suka mendengar perkara yang sama diperkatakan oleh personaliti pujaan mereka dan diharapkan minat terhadap isu ini akan meningkat dengan penglibatan selebriti."

Program sokongan selebriti ini mendapat kerjasama daripada YTL Group of Hotels, Media Prima Berhad, Astro dan Mami's Tart yang menyumbang 10 peratus daripada jualan tart kepada MAF.

Selain itu, MAC ada mengeluarkan buku kecil bertajuk 'Kehidupan Yang Positif' yang mengandungi panduan ringkas bagi mereka yang HIV positif, orang yang hidup dengan HIV/AIDS, penjaga, kaunselor, keluarga dan rakan-rakan mereka.

Buku itu mencadangkan cara bagaimana mereka yang HIV positif boleh menjalani kehidupan yang memuaskan dengan menerima dan membuat beberapa perubahan serta penyesuaian dalam cara hidup mereka.

Ia lengkap dengan soalan asas dan jawapan mengenai HIV/AIDS, ubat, nasihat pemakanan, senaman dan nombor telefon serta alamat pihak yang boleh dihubungi.

"Jika anda keberatan, takut atau tidak tahu kepada siapa anda harus bertanya berkaitan HIV, anggaplah buku ini sebagai panduan ringkas yang menerangkan semua perkara yang perlu anda ketahui berkaitan HIV/AIDS," menurut petikan kata yang tercatat pada pengenalan buku berkenaan. - Bernama